BERITA HARIAN
TARIKH 14 AUG 2013

TOUCH 'N GO

B4 14/8/13 mk31

# Lorong tambah nilai kerap tutup

Terima kasih kepada Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) kerana menyediakan kemudahan tambah nilai kad prabayar Touch 'n Go di lorong masuk ke lebuh raya ke Kuala Lumpur di Plaza tol Seremban.

Ia memudahkan pengguna membuat tambahan nilai kad itu. Agak musykil kerana papan pemberitahuan kemudahan ini sebelum masuk ke lorong tol itu sentiasa dipaparkan tutup.

Kadangkala notis *offline* sentiasa dilekatkan di kaunter tol itu, bahkan boleh dikatakan setiap hari keadaan ini berlaku.

Pernah diajukan soalan kepada petugas tol berkenaan, antara jawapannya adalah kredit sudah habis, *offline* atau kemudahan tambah nilai belum dibuka di lorong ini.

Saya harap PLUS menyiasat perkara ini sama ada ia benar berlaku atau helah petugas untuk mengelak tambahan beban kerja. Semoga PLUS dan pengendali kad Touch 'n Go tidak mengambil keuntungan dengan cara mudah.

**Pengguna Hampa**
Seremban

KERATAN AKHBAR
Makluman :
Tindakan : BPP & LLM
Catatan :